

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
NEON GLOW RUN
ASSOCIATION OF BACHELOR OF
ACCOUNTANCY STUDENTS (ABACCS)**

**15 NOVEMBER 2025 | SABTU | 7.30 MALAM
TEMPAT LETAK KERETA BULATAN ILMU
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Prof. Madya. Dr. Tuan Zainun Tuan Mat

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar

Fakulti Perakaunan

YBrs. Dr. Mohamad Shahril Isahak

Koordinator Hal Ehwal Pelajar

Wakil Penaja Program

- i. Bingxue Malaysia
- ii. Isa Apparel
- iii. Zus
- iv. Montigo

Barisan Penasihat Persatuan Pelajar
Fakulti Perakaunan

Jawatankuasa Pelaksana Program

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan serta mahasiswa
UiTM Cawangan Selangor yang saya hormati
sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas nikmat, kesihatan, dan kesejahteraan yang diberikan kepada kita semua untuk bersama-sama berkumpul pada malam ini bagi menjayakan program **Neon Glow Run**.
2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat secara proaktif dalam penganjuran program ini khususnya kepada **Association of Bachelor of Accountancy Students (ABACCS)**.
3. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Fakulti Perakaunan** dan pihak jawatankuasa program kerana sudi menjemput saya untuk turut bersama-sama dalam menjayakan program ini.

Hadirin sekalian,

4. Saya melihat program pada malam ini sebagai platform untuk memupuk budaya bersukan dikalangan warga kampus, selain meningkatkan tahap kesedaran mengenai kepentingan menjaga kesihatan.
5. Acara ini juga selari dengan komitmen pihak pengurusan UiTM Cawangan Selangor yang sentiasa komited dalam usaha untuk meningkatkan tahap kesihatan rohani dan jasmani warga, terutamanya di kalangan mahasiswa untuk melibatkan diri dalam aktiviti fizikal serta memupuk gaya hidup aktif.
6. Saya berharap program larian malam ini adalah lebih daripada sekadar perlumbaan, tetapi dapat mengeratkan ukhwah sesama kita.

7. Saya juga yakin program ini dapat membuka peluang kepada para peserta untuk berinteraksi dan mengenali satu sama lain; rakan-rakan dari fakulti dan kolej yang berbeza.
8. Kepada semua peserta, penyertaan anda pada malam ini memainkan peranan yang sangat penting dalam menjayakan program ini, kerana tanpa sokongan anda semua, program ini tidak dapat dijalankan seperti mana kita lihat sekarang.
9. Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi kepada pihak penganjur dan semua pihak yang terlibat atas kejayaan penganjuran program ini.
10. Setinggi penghargaan kepada Bingxue Malaysia, Isa Apparel, Zus dan Montigo atas tajaan dan sokongan yang diberikan.

11. Saya berharap agar penganjuran program ini akan memberikan manfaat kepada semua yang turut serta.

Sinar neon menghiasi jalan,
Langkah disusun penuh semangat;
Gaya sihat jadi amalan,
Ukhwah terjalin erat bersahabat.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**